



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

KAWALAN KEBERSIHAN DAN KEMPEN BAWA BALIK SAMPAH SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2024

PUTRAJAYA, 31 OGOS 2024: Putrajaya sekali lagi menjadi tuan rumah bagi penganjuran Sambutan Hari Kebangsaan 2024 dengan tema Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka yang menjelaskan konsep utama dan nilai-nilai yang dipegang oleh Malaysia dalam mencapai kemajuan dan kesejahteraan negara. Sehubungan dengan itu, Perbadanan Putrajaya (PPj) komited dalam merancang dan melaksanakan kerja-kerja kawalan dan pengurusan kebersihan acara melibatkan keseluruhan kawasan lintasan perbarisan di Persiaran Perdana, Presint 1 sehingga Presint 4 bermula dari 26 Ogos 2024 sehingga 3 September 2024.


Pada edisi kali ini, PPj bersama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) melalui syarikat konsesi, Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB) telah menyediakan 220 tenaga kerja pembersihan, 650 unit tong sampah mudah alih 120L, 100 unit tong sampah mudah alih bersaiz 660L serta 11 unit tong jeis "Roll-On, Roll-Off" (RORO) bagi memastikan keperluan tong sampah dan pekerja pembersihan mencukupi. AFSB juga menyediakan 4 unit lori kompaktor dan jentera-jentera pembersihan yang lain seperti lori *jetter* yang akan digunakan untuk kerja-kerja *flushing*.

Bagi memastikan pengurusan sampah lebih lancar dan efisien, PPj juga menganjurkan program "Jom Bawa Balik Sampah" iaitu program yang akan melibatkan agensi-agensi seperti SWCorp, AFSB dan Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia yang akan bersama-sama melakukan aktiviti *plogging* selepas tamat perarakan. PPj juga memastikan amalan kitar semula (3R) juga dilaksanakan pada

hari tersebut serta menyediakan 10 set tong kitar semula di sekitar kawasan utama penganjuran.

Dalam merealisasikan persekitaran Putrajaya yang bersih, indah dan kondusif semasa penganjuran ini, program ini juga bakal menjadi medium pelaksanaan kempen oleh PPj bagi menggalakkan pengunjung untuk lebih bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan di Putrajaya. Ia juga berupaya menjadi pemangkin bagi perubahan sikap dan praktik masyarakat di dalam penjagaan kebersihan yang terbaik, sekaligus memupuk menjadi rakyat Malaysia yang mementingkan kebersihan.

Adalah diharapkan semua inisiatif ini akan memberikan impak positif dalam memastikan persekitaran Putrajaya terus bersih dan berdaya mampan. Kelancaran dan kejayaan program-program ini juga semestinya memerlukan komitmen dan sokongan semua pihak khususnya pengunjung yang datang ke Putrajaya.



(SITI FADILAH BINTI RAMLI)

Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 20 Ogos 2024